

**SOALAN NO. 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI  
JAWAPAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS,  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2016 (RABU)**

**YB Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) bagaimakah Kerajaan memastikan kepentingan penduduk yang terlibat di dalam pengambilan tanah untuk Projek Kereta Api Laju Kuala Lumpur-Singapore terjamin khususnya kepada mereka yang tinggal di Labu, Nilai dan kawasan yang terlibat di Negeri Sembilan; dan
- (b) mengapakah Kerajaan masih bercadang untuk melaksanakan Projek Kereta Api Laju Kuala Lumpur -Singapore walaupun Projek Keretapi Landasan Berkembar Elektrik telah wujud dan fungsinya lebih kurang sama.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bagi memastikan kepentingan penduduk terutamanya yang terlibat dengan pengambilan tanah terjamin, kerajaan melalui agensi yang berkenaan akan memastikan pengambilan tanah di buat menerusi pelaksanaan kaedah yang diperuntukkan di bawah Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960, di mana bayaran pampasan akan dibuat berdasarkan kepada nilai pasaran tanah.
  
- (b) Projek HSR ini adalah projek yang berbeza fungsi dari aspek komersil, teknikal, operasi dan laluan, berbanding dengan Projek Keretapi Landasan Berkembar Elektrik. Dari aspek komersil dan ekonomi, dijangka HSR dapat menjana impak ekonomi sebanyak RM100 billion dari segi Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) untuk Negara Malaysia daripada peningkatan aktiviti ekonomi industri harta tanah, pelancongan dan sektor perkhidmatan. Projek HSR ini juga akan melalui

laluan atau korridor yang berlainan jika dibandingkan dengan Projek Keretapi Landasan Berkembar. Projek keretapi berkelajuan tinggi HSR akan menghubungkan Kuala Lumpur dan Singapura, dan mempunyai stesen perantaraan di Seremban, Ayer Keroh, Muar, Batu Pahat dan Iskandar Puteri. Dari segi operasi pula, Projek keretapi berkelajuan tinggi HSR akan menghubungkan Kuala Lumpur dan Singapura di mana sasaran jangka masa perjalanan adalah 90 minit bagi perjalanan ekspres.

Sekian, terima kasih.